



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	29/6/2021	MUKA SURAT	: 24
JABATAN	:	PERHILITAN		

Serpihan biskut 'beracun' dalam mulut monyet



Georgetown: Serpihan biskut yang dijumpai dalam mulut monyet di kawasan hutan berhampiran Bukit Kukus, Paya Terubong di sini, Sabtu lalu, disahkan mempunyai unsur diracun.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya sedang mengenal pasti jenis racun dan punca kera berkecauan diracun.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 86 (Kezaliman terhadap hidupan liar) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Ini kerana kera berkenaan atau *Long-Tailed Macaque* adalah hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta 716," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, dua video tular menunjukkan seorang wanita menemukan beberapa kera di kawasan hutan dalam keadaan hampir mati.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong turut mengesahkan menerima laporan kejadian oleh seorang pengawal keselamatan pada jam 7-45 malam Sabtu lalu.

Pengawal keselamatan sebelum itu mendakwa menemukan serpihan biskut dipercayai mengandungi racun dalam mulut kera berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 86 (Kezaliman terhadap hidupan liar) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)"

Perhilitan

Sah sembilan kera mati kena racun

Georgetown: Sembilan kera yang ditemukan mati di kawasan hutan berhampiran Bukit Kukus, Paya Terubong di sini, Sabtu lalu, disahkan mempunyai unsur diracun.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya sedang mengenal pasti jenis racun dan punca kera berkecauan diracun.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 86 (Kezaliman terhadap hidupan liar) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Ini kerana kera berkenaan atau *Long-Tailed Macaque* adalah hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta 716," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, dua video tular menunjukkan seorang wanita menemukan beberapa kera di kawasan hutan dalam keadaan hampir mati.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong turut mengesahkan menerima laporan kejadian oleh seorang pengawal keselamatan pada jam 7-45 malam Sabtu lalu.

Pengawal keselamatan sebelum itu mendakwa menemukan serpihan biskut dipercayai mengandungi racun dalam mulut kera berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 86 (Kezaliman terhadap hidupan liar) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)"

Perhilitan